



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGARA KELANTAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Bil. 2/2004

April - Jun 2004 / Rabiul Awal - Jamadil Awal 1425H

Edaran PERCUMA



Sempena Perayaan Sambutan Jubli Perak pemerintahan KDYMM Al-Sultan Kelantan, pelbagai acara telah diadakan di sekitar Kota Bharu sejak bulan Mac dan akan berterusan sehingga November tahun ini. Antaranya adalah perarakan rakyat dan kereta berhias, pertunjukan bunga api, pesta sukan berkuda, acara menembak, pertandingan pintu gerbang dan banyak lagi.

Bagi acara perarakan rakyat dan kereta berhias, PKINK juga turut menghantar satu kontinjen dengan kekuatan seramai 100 orang. Kontinjen ini dianggotai oleh 22 orang anggota kumpulan PKINK dan selebihnya adalah pekerja-pekerja kilang di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa. Bagi menyertai perarakan ini, ahli kontinjen telah menjalani latihan yang intensif selama beberapa bulan sehinggalah ke tarikh acara sebenar laitu pada 21 Mei 2004.

Sekalung tahniah harus diberikan kepada semua pihak yang menyumbang tenaga dan wang ringgit untuk menjayakan penglibatan kontinjen ini terutamanya kepada ahli-ahli Persatuan Pengilang Kelantan, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak PKINK dan ahli-ahli kontinjen itu sendiri....tahniah.

Raja Berdaulat Rakyat Aman Bahagia

Perayaan Ulangtahun Hari Keputeraan Dan Jubli Perak Pemerintahan

KDYMM Sultan Ismail Petra



Dari Editor

Alhamdulillah bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Buletin PKINK kali kedua untuk tahun 2004 ini. Mewakili sidang editor pada kali ini, saya ingin menekankan kepada perihal pencen dan budaya kerja cemerlang warga PKINK.

Semakin ramai anggota PKINK induk yang telah dan akan bersara pada tahun ini. Mereka yang dimaksudkan adalah En. Othman Che Leh, Pn. Hajjah Wan Mahizan Wan Ahmad, Pn. Norjihan Othman dan En. Mohd Abd. Hadi Mustafa. Selain itu, kita juga bakal kehilangan dua orang anggota yang paling lama dan antara yang terawal berkhidmat di PKINK iaitu Pn. Hajjah Siti Fatimah Abd Latiff dan En. Azahari Yaakub. Mereka berdua telah berkhidmat lebih kurang 35 tahun dan selama tempoh itu mereka telah melihat jatuh bangunnya organisasi kita ini.

Kami warga PKINK amat terhutang budi kepada tuan/puan atas segala jasa dan budi yang telah ditaburkan kepada PKINK. Kami juga berharap agar tuan/puan tidak akan sekali-kali melupakan PKINK sehingga akhir hayat tuan/puan semua.

Saya juga ingin menyeru kepada warga Kumpulan PKINK yang masih berkhidmat agar mengambil serius atas saranan kerajaan untuk mewujudkan satu perkhidmatan awam yang bertaraf dunia dengan memberi fokus kepada lima penekanan iaitu etika yang luhur, pembangunan tenaga manusia yang berpengetahuan dan mahir, budaya kerja yang berdasarkan prestasi dan daya kepimpinan yang kukuh bagi memastikan budaya kerja cemerlang sentiasa wujud di kalangan warga Kumpulan PKINK.

Insya Allah, dengan kerjasama yang erat dan kesepaduan serta kekuatan yang ada di kalangan warga PKINK, segala rintangan yang bakal dihadapi akan dapat kita tempuh dengan jayanya. Saya akhiri catatan ini dengan serangkap pantun untuk warga PKINK yang telah dan akan bersara kelak.

*Pisang Emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang Emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati.*

Sidang Editor

Penaung

YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

YBhg. Datin Hajjah Norsiah Musa

Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pengarang

En. Ahmad Nazri Ismail

En. Mohd Roslan Md.Zain

Pn. Teh Mariam Mohamad

Pn. Hawa Md. Satleh

En. Rosdi Said

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Zainul Amin Mat Zin

Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7485667

Faks: 09-7485687

PERTANDINGAN

**MEMANCING
PKINK 2004**

Buat pertama kali KSK PKINK telah menganjurkan pertandingan memancing yang bertempat di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan pada 5 Jun 2004. Seramai 400 orang peserta telah bertanding untuk merebut hadiah yang berjumlah RM12,000. Yuran penyertaan yang telah dikenakan ialah RM35 untuk satu joran.



Nampaknya, para juara ni sibuk mengira nilai pendaftaran, bukan tu?

Selain daripada hadiah tangkapan terberat yang merupakan sebuah TV Flat Screen 29', pihak pengajur juga turut menyediakan hadiah untuk tangkapan pertama yang berupa wang tunai RM500. Cabutan Bonanza pula ialah sebuah motosikal Honda EX5. Disamping hadiah utama, pihak pengajur turut menyediakan 30 hadiah cabutan bertuah kepada para peserta.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Suhaimi Husin, YDP Kelab Sukan & Rekreasi PKINK.



Walaupun perairan buruk, para peserta cuba menangkap ikan panjang-masing-masing



Para peserta dan orang awam sibuk menyimpulkan persiapan kerakaman sebelum pertandingan dimulakan

**JALE-JALE****KELATE**

Bersempena dengan Program Penggalakan Sains dan Teknologi Peringkat Negeri Kelantan, satu pertandingan persembahan multimedia telah diadakan pada 28 April 2004 di Kota Darulnaim dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan & Jabatan Pembangunan Persekutuan. Bahagian MIS PKINK telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan memilih persembahan multimedia bertajuk "Jale-Jale Kelate" dalam kategori agensi kerajaan/badan berkanan/agensi swasta/institut pengajian tinggi awam/swasta.

"Jale-Jale Kelate" adalah persembahan multimedia yang bertujuan untuk memberi maklumat ringkas mengenai Negeri Kelantan berhubung dengan tempat pelancongan yang menarik, kemudahan penginapan, pengangkutan serta secara ringkas budayanya. Walaupun hanya mendapat tempat saguhati, penyertaan kali ini boleh membanggakan apabila ianya adalah

kerjasama pelajar-pelajar praktikum dan anggota Bahagian MIS PKINK. Tahniah diucapkan kepada Bahagian MIS, jangan berputus asa, tahun hadapan cuba lagi.....



Gwak kruje di belakang tuoh Jale-Jale Kelate

CERAMAH

MAULIDUR RASUL 1425H

Pada 19 Mei 2004, ceramah sempena Maulidur Rasul peringkat PKINK telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10 Bangunan PKINK. Anggota dan penghuni bangunan PKINK telah hadir secara beramai-ramai untuk mendapat manfaat dari ceramah ini.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Ybhg. Ustaz Masri B. Yusof dari Ma'ahad Muhammadi (L) Kota Bharu. Pengajaran utama yang dapat dikupas daripada ceramah ini adalah konsep penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah penting dalam Islam malah sudah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi.

Dengan adanya ceramah sebegini, kita sama-sama dapat memperingati dan memberi keinsafan kepada kita tentang pahit getir perjuangan umat Islam terdahulu untuk mendaulatkan Islam di muka bumi ini. Ceramah ini diakhiri dengan kesemua hadirin berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.



Ybhg Ustaz Masri Yusof



Seorangan pendakwah



Alhamdulillah, Ahayukka betul' dia orang mendengar ceramah ni.



Muslimat-muslimat yang hadir

Pada 23 Jun 2004, satu ceramah umum mengenai kes ragut telah berjaya diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK. Ceramah ini merupakan anjuran bersama antara Biro Dakwah KSK dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PKINK. Anggota-anggota PKINK dan penghuni-penghuni bangunan ini telah hadir secara beramai-ramai untuk mendapat manfaat dan mengambil iktibar daripada ceramah tersebut. Ceramah ini telah disampaikan oleh ASP Zainal Abidin Rahmat, Pegawai Turus Undang-Undang, Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Kelantan.

Di dalam ceramah ini, Tuan Zainal telah menegaskan kepada hadirin terutamanya kepada kaum wanita supaya berhati-hati apabila

RUANGAN BERITA

CERAMAH UMUM

“KES RAGUT”

berjalan bersendirian di tempat yang sunyi dan sekiranya diragut, jangan sesekali panik dan perlu menjerit sekutu-kuat hati. Mangsa seharusnya melaporkan segera kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.



ASP Zainal dan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadri TKE (HEK)



ASP Zainal Abidin Rahmat



Para netter yang hadir

MEMPROMOSIKAN PRODUKNYA SECARA AKTIF

Binaraya PKINK Sdn Bhd dan Profil Impian Sdn Bhd telah mengambil pro-aktif untuk memasarkan produknya dengan melaksanakan program Promosi Jualan Bergerak di setiap jajahan yang berpotensi. Promosi ini dilakukan secara agresif oleh Bahagian Pemasaran Binaraya pada setiap akhir bulan bermula Januari 2004 sehingga pertengahan tahun ini. InsyaAllah program seumpama ini akan berterusan sebagaimana yang dijadualkan sehingga akhir tahun. Diantara lokasi yang telah dilaksanakan adalah :

- ❖ 18-21 Januari 2004 di Billion Shopping Centre, Kota Mutiara, Jalan Yahya Petra Kota Bharu
- ❖ 15-19 Februari 2004 di hadapan Pejabat BSN Machang
- ❖ 14-18 Mac 2004 di Pantai Timur Shopping Centre, Tanah Merah
- ❖ 24-29 April 2004 di Pantai Timur Shopping Centre, Rantau Panjang
- ❖ 23-29 Mei 2004 di Pantai Timur Shopping Centre, Tanah merah
- ❖ 01-04 Jun 2004 di Pameran MAPEX (Peringkat Negeri Kelantan) di Dewan Perniagaan China, Jalan Kebun Sultan

Fokus utama mengadakan program yang sebegini adalah untuk mlariskan produk jualan rumah kediaman dan perkedaihan, ianya juga dapat menghebahkan kepada masyarakat umum hasil yang telah dijalankan oleh KUMPULAN PKINK dan sekaligus merilisasiakan hasrat Kerajaan Negeri agar setiap rakyat dapat memperolehi rumah kediaman yang berpadanan dengan kemampuan mereka. Selain perkedaihan 2 tingkat dan 3 tingkat,



rumah kediaman dengan pelbagai jenis juga turut dijual.

Projek Kumpulan PKINK yang sedang dijalankan:

- ❖ Pangaspuri Sri Kemumin, Pengkalan Chepa
- ❖ Projek 87 unit, Taman Sri Remah (Fasa 3), Tanah Merah
- ❖ Projek 104 unit, Perumahan PKINK (Fasa 4A), Machang
- ❖ Projek 34 unit Banglo 1 tingkat & 20 unit Rumah Berkembar 1 tingkat, Taman Binaraya (Fasa 3B), Desa Darul Naim
- ❖ Projek 25 unit Rumah Kedai 1 tingkat & 2 tingkat, di Taman Binaraya, Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa
- ❖ Projek 7 Unit Rumah Kedai 2 tingkat, Taman Sri Ketil Binaraya, Pengkalan Kubor
- ❖ Projek 39 unit banglo 1 tingkat, Taman Sri Mesa Binaraya (Fasa 1), Gual Periok, Rantau Panjang

Projek akan datang:

- ❖ Projek 73 unit Rumah Teres 1 tingkat & 32 unit Rumah Teres 2 tingkat, Taman Kurnia Jaya (Fasa 4A), Padang Golf, Pengkalan Chepa, Kota Bharu
- ❖ Projek 9 unit Rumah Kedai 3 tingkat di Taman Sri Lundang Binaraya, Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu
- ❖ Projek 60 unit Rumah Teres 1 tingkat, Taman Sri Mesa Binaraya (Fasa 2), Gual Periok, Rantau Panjang
- ❖ Projek 103 unit Rumah Teres 1 tingkat, Perumahan PKINK (Fasa 1), Sungai Durian, Kuala Krai
- ❖ Projek 48 unit Rumah Banglo 1 tingkat, Taman Binaraya, Kg. Jelatok, Tanah Merah
- ❖ Projek 11 unit Rumah Teres 2 tingkat & 12 unit banglo 2 tingkat di Taman Binaraya (Fasa 4), Desa Darul Naim, Pasir Tumbuh, Kota Bharu

Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi PKINK kali ke 23 telah berjaya diadakan pada 26 Jun 2004 bertempat di Dewan Bunga Tanjung Hotel Perdana, Kota Bharu.

Sebelum mesyuarat Agong Tahunan Koperasi diteruskan, satu ceramah bertajuk "Pejabatku Syurgaku" telah disampaikan oleh Ybhg Ustaz Mohd Fakhrurazi Hj. Abdul Rahim, Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Kota Bharu. Majlis perasmian Mesyuarat Agong Koperasi pada kali ini pula telah disempurnakan oleh YB Haji Husam b. Haji Musa, Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam ucapannya, beliau menegaskan kepada ahli Lembaga Pengarah Koperasi agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh ahli koperasi dengan amanah dan penuh dedikasi.

Dalam mesyuarat tersebut, Anggota Lembaga telah mencadangkan kepada Mesyuarat Agong untuk membayar dividen sebanyak 10% atas yuran saham anggota pada 30 Jun 2003 yang melibatkan pembayaran berjumlah RM120,250.00. Anggota Lembaga turut mencadangkan kepada Mesyuarat Agong untuk membayar pulangan sebanyak 8% atas pertaruhan pelaburan anggota pada 31 Disember 2003 atas baki bulanan yang melibatkan pembayaran berjumlah RM162,240.00.



YBrs Tn. Hj. Husam Musa



YBrs Tn. Hj. Haniff Ahmad alias Pastiul Koperasi PKINK Berhad



YBrs Tn. Hj. Mohd Fakhrurazi Hj. Ab. Rahim



Ahli dan Lanjut Pengarah Koperasi PKINK Berhad

MESYUARAT AGONG TAHUNAN KOPERASI PKINK

AGONG TAHUNAN KOPERASI PKINK



ARAT

TAHUNAN PKINK 2004



Beratur jangan tak beratur



Udahan baik anda, mencantumkan masa depan Koperasi PKINK Berhad



En. Mond Supram Shafie diberi pada Hotel Perdana sedang menyampaikan ucapan



VII Dr. Hj. Husam Musa menyampaikan cerita kepada anak Alaiyahan En. Alim Mond Nav daripada Lantang Sungai Terut. Sdn Bhd sembil diperkenan oleh maklumat Commerse Life



Wajah ceria anggota-anggota

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Kelantan telah mengadakan Konvensyen Mini PUM Peringkat Negeri bagi sekolah-sekolah yang telah melaksanakan PUM pada tahun 2003. Konvensyen tersebut telah diadakan pada 14 hingga 16 April 2004 bertempat di Perdana Resort, PCB. Sebanyak 14 buah sekolah dari Jabatan Pendidikan Kelantan dan juga Yayasan Islam Kelantan telah menyertai konvensyen tersebut dengan penglibatan seramai 100 orang pelajar dan 28 orang guru pembimbing PUM.

Konvensyen ini diadakan bertujuan bagi memberi pengiktirafan terhadap kecemerlangan syarikat-syarikat Usahawan Muda yang telah menjalankan operasi sepanjang tahun 2003. Di samping itu, ia juga merupakan satu bentuk penghargaan daripada pihak Sekretariat PUM kepada pihak sekolah terutama para pelajar dan guru yang terlibat dalam

KONVENSYEN MINI PROGRAM **USAHAWAN MUDA (PUM) PERINGKAT NEGERI KELANTAN** **UNTUK TAHUN 2003**

menjayakan Program Usahawan Muda di sekolah-sekolah.

Konvensyen selama 3 hari tersebut telah dilanjut dengan pelbagai program iaitu Ceramah Keusahawanan, Kuiz Keusahawanan, sukaneka dan juga pertandingan persempahan laporan syarikat oleh semua sekolah yang terlibat. Konvensyen diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian

anugerah yang telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Latihan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, En Hasnul Mohamed. Turut hadir dimajlis perasmian ialah Ketua Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Tuan Haji Mohd Mansor Haji Daud.

Sekolah Menengah Ugama Arab Maahad Muhammadi Lelaki telah memenangi 5 anugerah yang dipertandingkan iaitu Anugerah Syarikat Terbaik, Anugerah Perkhidmatan Terbaik, Anugerah Pengurus Terbaik, Anugerah Guru Pembimbing Terbaik dan juga Johan bagi Persembahan Terbaik. Sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Melor telah dipilih sebagai Syarikat Berpotensi dan Sekolah Menengah Ugama Arab Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu merangkul Anugerah Produk Terbaik. Tahniah diucapkan kepada semua para pemenang.



Pihak Urusdaerah yang terlibat



Sesi pendaftaran pelajar dan guru pembimbing



Acara sukaneka



Sesi soaljawab

LAWATAN

ROMBONGAN JCORP INTRAPRENEUR (M) BERHAD KE PKINK

Satu rombongan daripada Jcorp Intrapreneur (M) Berhad telah datang ke PKINK pada 27 April 2004. Rombongan tersebut terdiri daripada usahawan-usahawan dibawah bimbingan Johor Corporation yang diketuai oleh En Halmi Jasmin, Pengurus Jcorp Intrapreneur (M) Berhad.

Sesi lawatan tersebut adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pengalaman dan mewujudkan jalinan atau rangkaian sesama usahawan terutama antara usahawan-usahawan Johor dan Kelantan serta mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang boleh dikongsi bersama antara kedua-dua belah pihak.



YABrs Tn. Hj. Mohd Suhanee Ibrahim, Timbalan Ketua Eksekutif P&PJ menyampaikan cenderahati kepada ketua rombongan Jcorp Intrapreneur (M) Berhad

Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamad Alwi Ya, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK kepada ahli rombongan. Pengurus Jcorp Intrapreneur (M) juga turut mengambil peluang untuk

menyampaikan taklimat mengenai program-program dan projek pembangunan perniagaan yang dilaksanakan oleh usahawan-usahawan di bawah bimbingan Johor Corporation.

Rombongan Jcorp Intrapreneur mengakhiri kunjungan mereka ke PKINK dengan mengadakan lawatan bagi meninjau perkembangan projek pembinaan Pusat Otomobil di Pengkalan Chepa. Pengurus Pembangunan Usahawan dan pegawai PKINK telah mengiringi rombongan tersebut, dan turut memberi penerangan ringkas mengenai peranan dan konsep pengurusan Pusat Otomobil berkenaan.



YABrs Tn. Hj. Haniff Ahmad mengalih alih sesi dialog

Satu rombongan daripada Kampar Indonesia telah datang ke PKINK untuk mengadakan lawatan kerja sehari pada 25 Mei 2004 yang lalu. Ahli-ahli rombongan terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan yang diketuai oleh Bapak Ir. Basri Rasyid dari Badan Pengawas Daerah Kampar.

Lawatan kerja ini dimulai dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Hj. Mohd Suhanee Ibrahim Araui, Pengurus Perancangan Korporat PKINK dan diikuti dengan sesi dialog di antara pengurusan PKINK dan pihak rombongan.

Ahli rombongan kemudiannya dibawa melawat ke Hospital Pakar Perdana yang terletak di Jalan Bayam, Kota Bharu. Di sana, mereka

RUANGAN BERITA

**LAWATAN KERJA SEHARI
KETUA-KETUA
JABATAN KERAJAAN
DARIPADA
KAMPAR INDONESIA**


YABrs Tn. Hj. Haniff Ahmad menyampaikan cenderahati kepada ketua rombongan

telah diberi taklimat oleh En Khairun Ahmad, Pengurus Besar Hospital Pakar Perdana mengenai operasi dan perjalanan hospital ini.

Adalah diharap pihak PKINK dapat membuat kunjungan balas ke Kampar Indonesia untuk mewujudkan rangkaian perniagaan yang dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak kelak.



YABrs Tn. Hj. Wan Jamil Wan Mahmood, Pengarah Urusan Perancangan Kerajaan Kelantan turut mengiringi rombongan



YABrs En. Khairul Ahmad, Pengurus Besar Hospital Pakar Perdana



Pesta derjasi yang hadir

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan, melalui Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu akan menubuhkan Pasukan Pemadam Kebakaran (Fire Squad) di setiap jabatan-jabatan kerajaan, swasta, hospital, hotel dan Institut Pendidikan bermula tahun 2004. Menyedari kepentingan dan peranan untuk mencegah dan mengawal kebakaran di premis-premis

Bil.	Nama	Tempat Berlugas
1	En. Ahmad Hilmie bin Mohd Nawawi	PKINK Induk
2	En. Mohd Roslan bin Mohd Zain	PKINK Induk
3	En. Ridzuan bin Sidek	PKINK Induk
4	En. Aziz bin Mahmud	PKINK Induk
5	En. Mohd Ghazali Mahmood	PKINK Induk
6	En. Mazlan bin Mohd Ragam	PKINK Induk
7	En. Che Ab Rahim bin Che Yusoff	PKINK Induk
8	En. Wan Asri bin Wan Nawang	PKINK Induk
9	En. Radzali bin Husin	PKINK Induk
10	Hj Haneefah bin Ismail	Prokel Management Sdn Bhd
11	En. Ahmad Fauzi Mansor	Prokel Management Sdn Bhd
12	En. Wan Muhammad Yazid Wan Abdullah	Prokel Management Sdn Bhd
13	En. Muhamad Hanapiah bin Hamzah	Prokel Management Sdn Bhd
14	En. Remli bin Hussin	Prokel Management Sdn Bhd
15	En. Jaafar bin Abdullah	Prokel Management Sdn Bhd
16	En. Zu Ikhfi bin Jusoh	Prokel Management Sdn Bhd
17	En. Rusman bin Mohamed	Binaraya Sdn Bhd
18	En. Talib bin Ibrahim	Binaraya Sdn Bhd
19	En. Maeron bin Anfin	Binaraya Sdn Bhd
20	En. Anuar bin Serman	Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd
21	En. Wan Azmi bin Wan Sulaiman	Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd

KURSUS KESELAMATAN

ASAS KEBAKARAN PASUKAN PEMADAM KEBAKARAN PKINK 2004

Perbadanan, PKINK juga tidak ketinggaian menubuhkan pasukan pemadam kebakaran "Fire Squad". Kursus pertama telah diadakan pada 26 Jun 2004 di bertempat Bilik

Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK. Seramai 21 orang peserta dari Ibu Pejabat & Syarikat Anak telah dipilih untuk menyertai pasukan dan kursus ini seperti di sebelah:

Dalam kursus ini para peserta telah diberi penekanan dan pendedahan kepada objektif penubuhan antaranya menjadi pasukan yang bertanggungjawab untuk mencegah dan mengawal kebakaran dibangunan atau premis, kedua menjadi pasukan yang bertindak awalan (First Responder) dikala berlaku kecemasan dengan menggunakan peralatan yang sedia ada di bangunan dan ketiga sebagai pasukan yang bertanggungjawab untuk mengawalselia pemasangan sistem perlindungan kebakaran. InsyaAllah kursus "Fire Squad" akan bersambung lagi pada 8 Julai 2004 untuk siri kedua.

RUANGAN KEKWA

PERKELAHAN**KEKWA DI TOK BALI**

Pada 24 April 2004 yang lalu, Kelab Kebajikan Wanita PKINK telah berkelah di pantai Tok Bali sempena hari keluarga kelab tersebut. Janya telah berlangsung selama satu hari di Tok Bali dan telah memberi banyak kenangan manis yang tidak dapat dilupakan oleh para ahli KEKWA.

Dengan tiupan angin sepoi-sepoi bahasa, keceriaan mula terpancar sebaik sahaja acara dimulakan. Pelbagai acara telah disediakan kepada para ahli untuk meraih hadiah yang cukup lumayan dan besar-besarkan belaka. Terik panas matahari tidak dihiraukan sangat, apa taknya bermacam-macam reaksi telah dipertontonkan sampai nak pecah perut ketawakan mereka. Tak apalah, janji dapat hadiah besar.



Tengok tu, belum apa-apa lagi dah ada yang jatuh



Am KEKWA dan kerabat-sampai bergembira di Permai Beach Resort, Tok Bali



Satu, dua, tiga cepat



Acara hari dalam gumi

Bagi acara kemuncak pada hari itu, kesemua AJK KEKWA telah menyertai pertandingan dan telah dimenangi oleh Pn. Siti Jahinah Ya'cob. Majlis Penyampaian hadiah yang disusuli dengan makan tengah

hari telah mengakhiri perkelahan ini. Semoga ahli KEKWA semua berpuas hati dengan hadiah yang dimenangi dan InsyaAllah tahun hadapan dapat bersua lagi. Jangan serik ya....

Pelbagai hikmah dan tafsiran yang boleh diandaikan di sebalik jari anda yang lima. Cuba perhatikan perlahan-lahan jari anda. Kemudian genggam ia kuat-kuat dan angkatkan ke atas. Laungkan ... "Allahu Akbar" sekutu-kuatnya. Itulah Rukun Islam yang mesti dijunjung. Luruskan ia ke hadapan dalam keadaan terbuka. Renung dalam-dalam. Kewajipan solat lima waktu jangan diabaikan.

Kemudian lekapkan jari itu di atas meja, perhatikan. Bermula daripada jari kelingking yang kecil dan kerdil, seperti manusia dan apa sahaja akan bermula daripada kecil kemudian besar dan membesar. Itulah fitrah insan dan alam seluruhnya. Apa sahaja yang dilakukan mesti bermula daripada kecil. Bak kata pepatah "melentur buluh biarlah daripada rebungnya". Kegagalan mendidik di usia ini akan memberi kesan yang besar pada masa hadapan.

Naikkan kepada jari kedua, jari manis namanya. Begitu juga dengan usia remaja. Manisnya seperti jari yang comel mulus ini. Apatah lagi kiranya disarungkan dengan sebentuk cincin bertahtakan berlian, bangga tak terkira. Pada ketika ini,

RUANGAN RENUNGAN

HIKMAT

5 JARI

Oleh : Abu ZAMZ

alam remaja menjengah diri. Awas! Di usia ini sentiasa dibelenggu dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Hanya iman dan taqwa menunjuk jalan kebenaran. Pada usia ini, anda sudah baligh dan mulakaf. Pastinya sudah dipertanggungjawabkan segala amalan dihadapan Rabbul Jalil. Bersediakah anda??

Nah....naik kepada jari ketiga. Jari yang paling tinggi, jari hantu namanya. Zaman remaja ditinggalkan. Alam dewasa kian menjengah. Di peringkat umur 30-an ini seorang itu telah mempunyai status dan identiti dengan ekonomi yang kukuh serta kerjaya yang teguh. Namun, anda mesti berhati-hati kerana di kala ini banyak "hantu-hantu pengacau" yang datang mengoda. Hantu hasad dengki, hantu ego, hantu tamak, hantu iri hati dan seribu macam hantu lagi. Kalau gagal mengawal emosi lantas terus

masuk ke jerangkap nafsu dan syaitan. Justeru itu, amal ibadat mesti dilipat gandakan.

Kita beralih kepada jari telunjuk. Jari inilah yang mengungkap satu dan esanya Allah SWT ketika solat. Genggam kesemua jari dan keluarkan jari ini. Gagahkan ia sebagai penunjuk arah menjadi contoh dan teladan. Manusia yang berada di tahap jari usia ini, hendaklah tampil sebagai model kepada generasi baru dan pembimbing yang kaya dengan idea bermas dan minda yang hebat.

Akhir sekali, renung ibu jari. Ianya besar dan pendek tetapi menunjukkan kematangan dan kehebatan yang membanggakan. Tugasnya membenarkan sesuatu dan mentafsir pelbagai perkara. Bak kata orang Jawa "cap jempol" atau cap jari. Kalau ada, semua urusan berjalan lancar. Buat generasi muda, rujuk dahulu kepada orang tua atau yang berpengalaman. Sekiranya petunjuk mereka anda patuhi, nescaya anda boleh berkata "good" atau "yes" sambil mengeggam semua jari dan angkat ibu jari ke atas itulah rahsia kejayaan anda.

RUANGAN IT

SIMPTOM-SIMPTOM

PC TERKENA

SERANGAN VIRUS

Sumber : Majalah PC, Version 5/2003.

1. PC menjadi hang selepas dibuka
2. Keupayaan atau prestasi PC tiba-tiba sahaja menjadi lembap. Sebarang aplikasi atau fail yang hendak dibuka terlalu perlahan
3. Keluar mesej 'Out-of-memory' walaupun PC mengandungi ruang ingatan yang mencukupi
4. Sistem operasi Windows tidak boleh dilarikan walaupun sebelum ini kita tidak pernah menyentuh bahagian setting ataupun mengubah registry
5. Sistem operasi Windows tidak boleh dilarikan disebabkan fail-fail penting yang digunakan untuk melarikan sistem ini hilang secara tiba-tiba
6. Ada program-program yang tidak pernah diinstall sebelum ini tiba-tiba muncul dan berjalan dengan sendirinya
7. Terdapat proses yang tidak diketahui sedang berjalan dan menggunakan banyak sumber CPU
8. Kita tidak boleh menginstal sebarang program atau aplikasi baru
9. Windows tiba-tiba sahaja reboot dan proses reboot berlaku berulangkali
10. Utiliti cakera seperti Scandisk melaporkan banyak 'error' pada cakera selepas melakukan imbasan cakera
11. Program atau aplikasi yang sebelum ini boleh digunakan, crash secara tiba-tiba
12. Drive partition bagi cakera keras, CD-ROM dan cakera liut tiba-tiba sahaja hilang
13. Menerima e-mail yang mengandungi sisipan-sisipan yang ganjal contohnya mengandungi dua ekstensi
14. Perisian antivirus hilang secara tiba-tiba
15. Perisian antivirus tidak boleh diinstall
16. Dialog box terpapar pada skrin secara tiba-tiba
17. Sistem PC berjalan dengan sendirinya misalnya tetikus menunjuk ke sesuatu, membuka dan menutup tray CD-ROM dan sebagainya
18. Penunjuk tetikus berubah imej dan grafik
19. Ikon-ikon ganjal terpapar pada sistem tray walaupun tidak pernah diinstall sebelum ini
20. Muzik atau sebarang audio tiba-tiba sahaja dimainkan dengan sendirinya
21. Saiz sesuatu fail berubah walaupun kita tidak mengeditnya sebelum ini

Taman
Kurnia Jaya
FASA IV A

73 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT



Harga Dari
RM 88,000.00
Bersih

32 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT



Harga Dari
RM 130,000.00
Bersih



Untuk Tempahan Sila Hubungi Terus:

BINARAYA PKINK SDN. BHD. (72017-U)

(Syarikat Pemaju Perumahan Milik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iklasad Negeri Kelantan)

PT. 180, BANGUNAN BINARAYA, JALAN PADANG GARONG,
15000 KOTA BHARU, KELANTAN.

TEL.: 09-7445594 / 7448898 FAKS: 09-7486905